

Tindakan susulan aduan masalah di PTJ

Bil	Isu	Tindakan
1.	Pembukaan Kaunter Sirkulasi yang lama (PSZ, hingga 11pm). Semakan semula waktu operasi berdasarkan kadar kemasukan pengguna perlu dilakukan. Memendekkan masa perkhidmatan mampu memberikan penjimatan tenaga yang banyak, dan meningkatkan kesihatan mental staf menjadi lebih baik.	Satu kaji selidik yang bertajuk “Survey on UTM Library Opening Hours” telah diedarkan melalui e-mel kepada semua warga kampus UTM pada 14 Februari 2022. Hasil dapatan kajian telah dimaklumkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Bakat & Pelan Penggantian pada 15 Mac 2022. Sebanyak 81 (66%) responden memilih waktu operasi perpustakaan 8.00 pagi-10.00 malam (hari bekerja) dan 8.00 pagi-5.00 petang (hari minggu).
2.	Sampah di foyer kerap bersepah pada setiap pagi, ini kerana terdapat binatang seperti monyet & kucing mengorek tong sampah. Saya mohon jasa baik pihak atasan memikirkan cara supaya sampah di foyer tidak bersepah pada setiap hari. Ini kerana keadaan itu membuatkan imej bangunan PSZ agak buruk. Bagaimanapun, ribuan terima kasih buat warga SPK kerana membersihkan sampah di foyer pada setiap pagi.	Petugas kontraktor pembersihan yang dilantik telah melaksanakan operasi pembersihan setiap hari bekerja pada jam 7.30 pagi sebelum waktu Perpustakaan dibuka bagi memastikan persekitaran foyer sentiasa dalam keadaan bersih.